



KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

GEOGRAFI

2280/1

Kertas 1

1 jam 35 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 6 halaman bercetak.


- 1 Apakah ciri lapisan mantel dalam struktur bumi?
- Lapisan paling dalam
 - Suhu melebihi 3 000°C
 - Terdapat arus perolakan
 - Terdiri daripada teras luar dan teras dalam

- 2 Apakah proses yang terlibat dengan pembentukan batuan di bawah?

- Granit
- Basalt

- Pemejalan magma
- Pengaliran magma
- Penyimenan bahan
- Pemendapan bahan

- 3 Rajah berikut merujuk kepada pembentukan batuan.



Apakah batuan X?

- Gneis
 - Pumis
 - Marmar
 - Kuartzit
- 4 Foto berikut menunjukkan kawasan tanah tinggi di Malaysia.




Apakah proses luluhawa yang pesat berlaku di kawasan tersebut?

- Pengelupasan
- Pemecahan butiran
- Pemecahan bongkah
- Penghabluran garam

- 5 Apakah kesan proses luluhawa kimia di kawasan tropika lembap?

- Gurun batu
- Pembentukan kaolin
- Terbentuknya tors dan bornhard
- Mendapan talus di cerun gunung

- 6 Rajah berikut menunjukkan proses suatu gerakan jisim.



Apakah jenis gerakan jisim tersebut?


- Aliran lumpur
 - Kesotan tanih
 - Gelangsar tanah
 - Gelongsoran tanah
- 7 Bagaimanakah batuan sederhana besar dan berat seperti kerikil dan serpihan bersegi-segi diangkut oleh aliran sungai?
- Larutan
 - Seretan
 - Apungan
 - Lompatan

- 8 Antara berikut, yang manakah usaha-usaha yang boleh dilaksanakan untuk melestarikan sungai?

- Perangkap sampah
- Rawatan silvikultur
- Pendalaman dasar sungai
- Rawatan sumber air sungai

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

- 9 Rajah berikut menunjukkan bentuk muka bumi di kawasan pinggir pantai.



Apakah bentuk muka bumi yang bertanda X dan Y?

	X	Y
A	Geo	Gua
B	Gloup	Gua
C	Geo	Gloup
D	Gua	Geo

- 10 Apakah kegiatan manusia yang boleh memusnahkan zon penampapan semula jadi terhadap hakisan ombak?

- A Perikanan pinggir pantai
 B Pembinaan tukun tiruan
 C Penebangan pokok bakau
 D Pembinaan tembok konkrit

- 11 Maklumat berikut tentang suatu alat kaji cuaca.

- Diletakkan di kawasan lapang
- Sebahagian ditanam
- Data diambil setiap hari

Apakah alat kaji cuaca tersebut?

- A Tolok hujan
 B Termometer
 C Anemometer
 D Petunjuk arah angin

- 12 Apakah langkah persediaan kerajaan India bagi menghadapi kemarau?

- I Mewujudkan kawasan hijau
 II Membeli air dari luar negara
 III Mengitar semula air terpakai
 IV Membina telaga air bawah tanah

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 13 Mengapakah kaedah penggiliran tanaman dijalankan di Kepulauan British (Eropah Barat Laut)?

- A Mengelakkan tanah runtuh
 B Mengekalkan kesuburan tanah
 C Mengurangkan import hasil ternakan
 D Meningkatkan produktiviti hasil pertanian

- 14 Berikut merupakan kesan fenomena cuaca dan iklim.

- Merosakkan bangunan
- Memusnahkan hidupan akuatik

Apakah fenomena cuaca dan iklim tersebut?

- A Jerebu
 B Pulau haba
 C Hujan asid
 D Kesan rumah hijau

- 15 Antara yang berikut, manakah benar tentang ciri iklim Khatulistiwa?

- I Min suhu kira-kira 27°C
 II Terdapat satu musim kering
 III Julat suhu harian kecil 1°C – 2°C
 IV Hujan tahunan melebihi 2 600 mm

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 16 Apakah ciri utama tumbuh-tumbuhan di kawasan berikut?

- Gurun Sahara
- Gurun Arab

- A Daun yang lebar dan berkilat
 B Mempunyai akar yang panjang
 C Berubah warna mengikut musim
 D Menggugurkan daun dalam musim kering

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 17 Foto berikut menunjukkan hidupan liar di suatu lapisan dalam Hutan Hujan Tropika.



Apakah lapisan tersebut?

- A Lapisan renjong
 B Lapisan kanopi
 C Lapisan tengah
 D Lapisan lantai hutan
- 18 Antara yang berikut, yang manakah kepentingan hutan terhadap ekosistem?
 I Bekalan protein
 II Memanaskan suhu
 III Habitat hidupan akuatik
 IV Peningkatan kualiti udara
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 19 Apakah kesan pembinaan empangan terhadap hutan dan hidupan liar?
 A Krisis air
 B Peningkatan suhu
 C Pencemaran udara
 D Habitat fauna musnah

- 20 Apakah usaha pemuliharaan hutan yang dijalankan di Malaysia?
 A Penebangan terpilih
 B Mewujudkan ladang hutan
 C Mewartakan hutan simpan
 D Mengehadkan lesen pembalakan

- 21 Berikut adalah bandar penduduk padat di dunia.

- Ruhr (Jerman)
- Damodar (India)

Apakah faktor yang mempengaruhi kepadatan penduduk di bandar tersebut?


- A Pertanian
 B Pelancongan
 C Perindustrian
 D Perlombongan

- 22 Apakah faktor yang menyebabkan wujud ciri kependudukan sedemikian?

- Kadar kelahiran rendah
- Kadar kematian rendah

- A Taraf teknologi rendah
 B Kadar buta huruf tinggi
 C Taraf pendidikan tinggi
 D Amalan pemakanan tidak seimbang

- 23 Rajah berikut menunjukkan piramid penduduk.



Antara berikut, manakah yang benar tentang piramid penduduk tersebut?

- I Kadar kelahiran rendah
 II Kadar kematian tinggi
 III Warga tua golongan majoriti
 IV Golongan dewasa lebih ramai
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

24 Apakah kesan struktur dan komposisi piramid penduduk regresif kepada pembangunan negara?

- A Golongan kanak-kanak ramai
- B Tenaga kerja tempatan yang ramai
- C Pendapatan negara dapat dipertingkatkan
- D Sumber alam dapat dieksploitasi sepenuhnya

25 Apakah jenis migrasi antarabangsa yang melibatkan perpindahan penduduk seperti dalam maklumat berikut?

Kemasukan pekerja dari Indonesia, Nepal dan Bangladesh ke Malaysia.

- A Migran
- B Imigrasi
- C Emigrasi
- D Transmigrasi

26 Apakah kesan kawasan yang ditinggalkan apabila berlaku migrasi luar bandar ke bandar?

- A Kekurangan tenaga kerja
- B Taraf hidup migran meningkat
- C Membangunkan kawasan baharu
- D Kemudahan infrastruktur meningkat

27 Apakah persamaan fungsi kedua-dua bandar yang berikut?

- Port Dickson (Negeri Sembilan)
- Fort Bragg (Amerika Syarikat)

- A Bandar diraja
- B Bandar satelit
- C Bandar sempadan
- D Bandar pertahanan

28 Apakah fungsi petempatan luar bandar dari segi ekonomi?

- I Pusat pengumpulan hasil pertanian
 - II Pusat pangkalan tentera darat
 - III Pusat pentadbiran persekutuan
 - IV Pusat industri hiliran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

29 Apakah faktor yang menggalakkan proses urbanisasi di bandar berikut?

- Perai (Pulau Pinang)
- Long Binh (Vietnam)

- A Peluang pekerjaan
- B Perlombongan gas asli
- C Keindahan alam semula jadi
- D Kedudukan yang strategik

30 Foto berikut menunjukkan kesan negatif akibat proses urbanisasi di Kuala Lumpur.



Apakah langkah terbaik untuk mengurangkan masalah tersebut?

- I Membina rumah kos rendah
 - II Menyediakan rumah pangsa
 - III Memberi tanah secara percuma
 - IV Memudahkan pinjaman perumahan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

31 Apakah faktor Iceland mampu menjana tenaga geoterma secara besar-besaran?

- A Arus ombak yang berterusan
- B Banyak sungai beraliran deras
- C Kaya dengan sumber arang batu
- D Terletak di kawasan gunung berapi

32 Mengapakah Belanda berpotensi menjana tenaga angin secara besar-besaran?

- A Berdekatan sungai
- B Tenaga buruh ramai
- C Kedudukan menghadap laut
- D Banyak sisa bahan domestik

[Lihat halaman sebelah

SULIT

33 Apakah sumber tenaga yang berkaitan dengan maklumat berikut?

- Jerami padi
- Tandan kelapa sawit

- A Gas asli
- B Biojisim
- C Geoterma
- D Arang batu

34 Bagaimanakah pembinaan empangan memberi kesan negatif terhadap ekosistem?


- A Kekurangan sumber air
- B Kepupusan hidupan liar
- C Pencemaran debu dan habuk
- D Peningkatan suhu persekitaran

35 Apakah jenis usaha sama penyelidikan yang dijalankan oleh kedua-dua badan di bawah dalam usaha pengurusan sumber tenaga di dunia?

- Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
- Universiti Tsinghua, China

- A Kereta elektrik
- B Teknologi penapaian
- C Penapisan petroleum
- D Biodiesel daripada kelapa sawit

36 Rajah berikut menunjukkan produk suatu jenis industri.



Apakah jenis industri tersebut?

- A Industri percetakan
- B Industri pembuatan
- C Industri elektronik
- D Industri tekstil

37 Jenis pelancongan yang melibatkan aktiviti ekonomi serta menyelami kehidupan masyarakat luar bandar ialah

- A ekopelancongan
- B agropelancongan
- C pelancongan bertema
- D pelancongan budaya dan warisan

38 Mengapakah aktiviti pertanian pindah mengurangkan kesuburan tanah?

- A Hakisan yang hebat
- B Aktiviti tebus guna tanah
- C Tanah kekurangan nutrien
- D Kawasan menjadi kontang

39 Apakah usaha badan di bawah untuk mengurangkan kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar?

- Jabatan Alam Sekitar (JAS)
- Tabung Alam Sedunia (WWF)

- A Kitar semula
- B Pendidikan alam sekitar
- C Kempen Kesedaran Alam Sekitar
- D Penguatkuasaan undang-undang

40 Apakah faktor berlaku kemiskinan tanah di kawasan pertanian?

- A Kejadian banjir kilat
- B Penggunaan baja kimia
- C Pertanian secara bergilir
- D Kekurangan tenaga pekerja

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--

KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

GEOGRAFI**2280/2****Kertas 2**

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis nombor pengenalan diri dan angka giliran anda pada ruang yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian: **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.*
3. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik dan alat geometri.*
4. *Ceraikan Peta Topo untuk memudahkan anda menjawab **Soalan 1**.*
5. ***Kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.***

**B. CALON BERKEPERLUAN
PENDIDIKAN KHAS**

- A MASALAH PEMBELAJARAN
- B KURANG UPAYA PENGLIHATAN (BUTA)
- C KURANG UPAYA PELBAGAI
- D KURANG UPAYA PERTUTURAN
- F KURANG UPAYA FIZIKAL
- P KURANG UPAYA PENDENGARAN
- R KURANG UPAYA PENGLIHATAN (RABUN)

**UNTUK DIISI OLEH
KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN**

**C. BAGI CALON KES KHAS
HITAMKAN RUANG BERKENAAN**

- MENUMPANG TERCICIR
- BANTAHAN HADIR TIDAK MENJAWAB
- NO. PUSAT MENUMPANG

**D. CALON YANG MEMERLUKAN KEMUDAHAN
ATAU PERALATAN TAMBAHAN**

- JURUTULIS PEMBACA SOALAN DAN JURUTULIS
- GURU PENDAMPING KOMPUTER

**E. BAGI CALON TIDAK HADIR
HITAMKAN DAN ISIKAN RUANG INI**

- TIDAK HADIR

NAMA KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN

TANDATANGAN

Kertas peperiksaan ini mengandungi 16 halaman bercetak

Bahagian A

[30 markah]

Jawab semua soalan.

Soalan 1 berdasarkan peta topo siri 2280/2/2025/KMS1 yang disediakan. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut.

1 (a) (i) Berapakah bearing simpang tiga Kg. Ulu Kalong (RG 085791) dari stesen trigonometri di Bukit Tamu (RG 124817)?

.....
.....


[2 markah]

(ii) Tukarkan skala yang terdapat dalam peta kepada skala penyata.

.....
.....

[2 markah]


(b) (i) Namakan **dua** simbol kawasan yang terdapat dalam segi empat grid di bawah.



.....
.....
.....
.....

[2 markah]

- (ii) Apakah faktor yang mempengaruhi tanaman kontan dalam segi empat grid di bawah ditanam secara komersial?



.....


.....

.....

.....

[4 markah]


- (c) (i) Apakah jenis pola saliran dalam segi empat grid di bawah?



.....

[1 markah]

- (ii) Nyatakan kesan terhadap alam sekitar yang akan berlaku jika kawasan dalam segi empat grid di bawah dimajukan tanpa kawalan.



.....

.....

[2 markah]

- (iii) Kemukakan cadangan langkah bagi mengatasi kesan terhadap alam sekitar di 1(c) (ii).

.....

.....

[2 markah]

Soalan 2 berdasarkan Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Faktor Utama Mempengaruhi Migrasi di Malaysia pada Tahun 2018

Faktor Utama Migrasi	Peratus (%)
Mengikut keluarga	44
Kerjaya	24
Persekitaran	23
Perkahwinan/perceraian	5
Pendidikan	4

Jadual 1

(Sumber: *Diubahsuai dari Jabatan Perangkaan Malaysia*)

- 2 (a) Berdasarkan Jadual 1, lukis sebuah carta pai yang menunjukkan faktor utama yang mempengaruhi migrasi di Malaysia pada tahun 2018.

Gunakan jejari 5 cm untuk carta pai anda.

[Sila gunakan kertas graf di **halaman 59**]

[7 markah]

- (b) Merujuk kepada carta pai yang telah anda bina, tafsirkan tentang faktor utama yang mempengaruhi migrasi tersebut.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Pada pendapat anda, mengapakah faktor mengikut keluarga menunjukkan peratus yang paling tinggi?

.....

.....

.....

.....


[4 markah]

No. Kad Pengenalan

Angka Giliran

Mata Pelajaran

Graf untuk Soalan



Bahagian B

[30 markah]

Jawab semua soalan.

Soalan 3 berdasarkan Foto 1.



Foto 1

3 (a) Namakan proses luluhawa yang dikaitkan dengan ciri fizikal dalam foto di atas.

.....
[1 markah]

(b) Berikan **tiga** gua batu kapur yang terkenal di Malaysia.

- (i)
- (ii)
- (iii)

[3 markah]

(c) Bagaimanakah kawasan karst memberi sumbangan kepada manusia?

.....
.....
.....

[3 markah]

(d) Terangkan bagaimana aktiviti manusia meningkatkan kejadian luluhawa biologi.

.....
.....
.....

[3 markah]

Soalan 4 berdasarkan Foto 2.



Petempatan P



Petempatan Q

Foto 2

4 (a) Namakan jenis petempatan P dan Q dalam foto di atas.

(i) P :

(ii) Q :

[2 markah]

(b) Berikan ciri-ciri petempatan P.

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

(c) Berikan ciri-ciri petempatan Q.

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

(d) Berdasarkan pengetahuan anda, jelaskan sumbangan petempatan P kepada petempatan Q di Malaysia.

.....
.....
.....

[2 markah]

Soalan 5 berdasarkan Foto 3.



Foto 3

5 (a) Apakah jenis industri utama yang berkaitan dengan Foto 3?

.....
[1 markah]

(b) Nyatakan **tiga** lokasi industri di 5(a) di Jepun.

- (i)
 - (ii)
 - (iii)
- [3 markah]

(c) Terangkan faktor yang mempengaruhi industri tersebut berkembang maju di Jepun.

.....
.....
.....
[3 markah]

(d) Mengapakah industri tersebut sangat penting kepada pembangunan Jepun?

.....
.....
.....
[3 markah]

Bahagian C

[40 markah]

Jawab **dua** soalan sahaja.

Arahan: Tulis jawapan anda pada ruang yang disediakan di **halaman 67** hingga **halaman 70**.

6 (a) Di atas Peta 1 di halaman 66, namakan taburan lokasi batuan igneus bertanda:

- (i) P
- (ii) Q
- (iii) R
- (iv) S

[4 markah]

(b) Terangkan proses pembentukan batuan igneus terobosan di sesuatu kawasan.

[6 markah]


(c) Huraikan ciri batuan-batuan igneus rejahan, iaitu gabro, granit dan diorit.

[6 markah]

(d) Jelaskan kepentingan batu basalt kepada manusia.

[4 markah]

Soalan 7 berdasarkan Rajah 1.



Rajah 1

7 (a) Terangkan fenomena cuaca yang dikaitkan dengan Rajah 1.

[4 markah]

(b) Mengapakah berlaku fenomena cuaca di atas terutamanya di pusat bandar?

[6 markah]

(c) Jelaskan kesan fenomena cuaca tersebut terhadap manusia dan alam sekitar.

[6 markah]


(d) Cadangkan langkah-langkah untuk mengurangkan kesan fenomena cuaca tersebut.

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Soalan 8 berdasarkan Rajah 2.



Piramid Penduduk Negara X

Rajah 2

- 8 (a) Berdasarkan Rajah 2, terangkan jenis piramid penduduk Negara X berserta contoh negaranya. [4 markah]
- (b) Berdasarkan piramid penduduk di atas, terangkan kaitan antara ciri piramid penduduk dengan ciri kependudukan Negara X. [6 markah]
- (c) Huraikan masalah kependudukan yang mungkin dialami oleh Negara X. [6 markah]
- (d) Kemukakan langkah-langkah bagi mengatasi masalah kependudukan di 8(c). [4 markah]

- 9 (a) Satu usaha menjana tenaga elektrik daripada pukulan ombak laut telah dilaksanakan oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menerusi projek yang dikenali sebagai '*Hydraulic Wave Energy Converter System*' (Sistem Pengubah Tenaga Ombak Hidraulik) yang berperanan menyerap kuasa ombak sebelum diproses menjadi sumber tenaga elektrik.

Wajarkah penjanaan tenaga ini dimajukan di Malaysia?

Kemukakan alasan anda.

[6 markah]

- (b) Jelaskan tentang penjanaan tenaga biojisim di Filipina. [4 markah]

- (c) Berikan cadangan anda untuk mengurangkan pergantungan terhadap sumber petroleum di Malaysia. [6 markah]

- (d) Terangkan kepentingan sumber tenaga boleh baharu dalam kehidupan manusia. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

No. Kad Pengenalan :

Angka Giliran :

GEOGRAFI KERTAS 2

Peta 1 untuk Soalan No. 6(a)



MALAYSIA

P	
Q	

R	
S	

